

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

CBMR-3-RFI-06-CGSO-V1

9 Februari 2010

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:***Mohd Shamil Mohd Yusoff**

Pejabat: +603 8946 0895

Talipon bimbit: +601 2249 6938

E-mel: [shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my)**Sandra Isnaji**

Pejabat: +603 8946 0867

Talipon bimbit: +601 2324 5867

E-mel: [sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my)

## CYBERSECURITY MALAYSIA SOKONG MAJLIS DIALOG PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING

*Beri pendedahan kepada pemacu Sasaran Penting akan keutamaan perlindungan keselamatan siber terhadap Prasarana Kritikal Negara*

**Kuala Lumpur, 9 Februari 2010** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber nasional hari ini bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam menganjurkan **Majlis Dialog Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting Peringkat Zon Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor)**. Majlis tersebut telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh **YBhg. Dato' Hj Johari bin Hj Jamaluddin, Ketua Pengarah**, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Turut hadir di majlis ini adalah **En Zahri Yunos**, Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia.

Majlis dialog anjuran bersama CyberSecurity Malaysia dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia telah dihadiri lebih dari 200 peserta. Para peserta yang hadir merupakan pemilik dan pihak pengurusan Sasaran-sasaran Penting yang terdiri daripada sektor swasta, pihak berkuasa tempatan, dan jabatan serta agensi-agensi kerajaan.

Antara objektif majlis dialog ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai Dasar dan Strategi Pengurusan Sasaran Penting berdasarkan Arahan Tetap Sasaran Penting, memberi penjelasan akan kepentingan terhadap sistem kawalan keselamatan perlindungan di semua instalasi Sasaran Penting, memberi penerangan mengenai Arahan Keselamatan Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting, serta mendedahkan para peserta dengan ancaman serangan siber dan kesannya terhadap instalasi Sasaran Penting di Malaysia.

**CyberSecurity Malaysia**

(726630-U)

T +603 8992 6888  
F +603 8945 3205

Corporate Office:

Level 8, Block A  
Mines Waterfront Business Park  
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Securing Our Cyberspace

“Sebagai pusat pakar keselamatan siber nasional, kami amat menyokong usaha Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam melindungi Prasarana Maklumat Kritikal Negara. Justeru, dalam merealisasikan usahasama ini, CyberSecurity Malaysia memberi tumpuan kepada aspek keselamatan siber selaras dengan matlamat Dasar Keselamatan Siber Nasional”. Kata Lt. Kol. Husin Jazri (Bersara), Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia.

Semasa majlis dialog tersebut, CyberSecurity Malaysia telah membuat beberapa pembentangan terhadap topik-topik yang berkaitan dengan keselamatan siber, antaranya Pengenalan kepada Dasar Keselamatan Siber Nasional - sebagai panduan dasar dalam pengurusan kesiagaan kecemasan keselamatan siber peringkat nasional, kesedaran serta kepentingan pembentukkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di dalam Prasarana Maklumat Kritikal Negara.

Menurut Lt. Col. Husin lagi, ini adalah merupakan kali ke-empat CyberSecurity Malaysia bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam penganjuran majlis dialog seumpama ini. Majlis yang sama pernah diadakan di Kuantan, Kota Kinabalu dan juga Ipoh. Katanya lagi, pada tahun ini, CyberSecurity Malaysia akan terus memberi kerjasama kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam merealisasikan usaha menjamin kesejahteraan dan keselamatan ruang siber Negara.

~ Tamat ~

---

### CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar keselamatan siber nasional dan sebuah agensi korporat di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Antara perkhidmatan yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia adalah seperti berikut:

- Digital Forensics / CyberCSI™
- Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT) / Cyber999™
- Security Management and Best Practices
- Security Assurance
- Malaysia Common Criteria Certification Body (MyCB)
- Cyber Security Training and Professional Certification
- Outreach, Awareness, and Social Responsibility Programmes
- Cyber Security Policy and Legal Research

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my).

Untuk melaporkan insiden atau ancaman keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999™ (seperti pencerobohan, kecurian identiti dan pembulian melalui internet), sila e-mel ke [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my)

Dikeluarkan oleh **Jabatan Penjenamaan Korporat dan Perhubungan Media, CyberSecurity Malaysia**

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Shamil Mohd Yusoff <[shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my)>, +603 8946 0999 sambungan 895  
Sandra Isnaji <[sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my)>, +603 8946 0999 sambungan 867